

**KENYATAAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
19 DISEMBER 2014**

---

**1. TERIMA KASIH KEPADA AHLI MAJLIS TAHUN 2014**

Sempena dengan Majlis Penuh yang terakhir pada tahun ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Majlis-Ahli Majlis MPSP yang telah banyak memberikan kerjasama dan komitmen dalam membawa MPSP ke arah yang lebih baik dari segi pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan kepada stakeholder. Terima kasih juga kepada rakan-rakan media yang turut membantu MPSP dalam menyebarkan maklumat-maklumat / program-program MPSP. Saya berharap kerjasama yang erat dengan rakan-rakan media akan dapat diteruskan di tahun hadapan.

**2. PROMOSI BAYARAN CUKAI PINTU DAN CABUTAN BERTUAH TAHUN 2015**

Sukacita di sini saya memaklumkan bahawa Promosi Bayaran Cukai Pintu 2015 telah bermula pada 1 Disember 2014 dan akan tamat pada 31 Januari 2015.

Pembayar cukai taksiran yang membayar **keseluruhan cukai tahunan 2015 berserta tunggakan (jika ada)** akan menerima 2 buku kupon letak kereta (kupon jam) percuma sebagai cenderamata bagi setiap akaun serta layak menyertai cabutan bertuah. Sebanyak **50,000** buku kupon letak kereta (kupon jam) percuma telah disediakan sebagai cenderamata.

Bagi hadiah cabutan bertuah, berikut adalah senarai hadiah yang telah disediakan:-

Hadiah Pertama            1 Unit Treadmill Model CyberAir EZ Gintell

Hadiah Kedua             1 Unit Mountain Bike Exitway Eagle

Hadiah Ketiga            1 Unit Samsung Galaxy S5

Hadiah Keempat         1 Unit Mountain Bike Exitway XO

Hadiah Kelima            1 Unit Asus Notebook

Hadiah Keenam          1 Unit Magnetic Bike FT234 Gintell

Hadiah Ketujuh          1 Unit Ipad Air 16GB

Hadiah Kelapan          1 Unit Mini Ipad With Retina Display Wifi 16G

Hadiah Kesembilan     1 Unit Samsung Galaxy Tab 4

Hadiah Kesepuluh      1 Unit Mountain Bike Exitway Dallas

Lain-Lain Hadiah      40 Hadiah Lain berupa Notebook,  
Mountain Bike, Barangan Elektrik, Alat  
Telekomunikasi serta Peralatan dan  
Perkakasan Rumah.

Sehubungan dengan itu, saya dengan ini menyeru kepada semua pemilik premis agar segera membuat bayaran cukai pintu tahun 2015 berserta tunggakan (jika ada), bagi melayakkan anda menerima cenderamata serta terpilih untuk cabutan bertuah. Stok cenderamata yang disediakan adalah terhad.

Maklumat lanjut mengenai terma dan syarat serta senarai hadiah yang ditawarkan, sila layari laman web [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my) atau hubungi di talian **04-5497470 / 471 / 697 / 696 / 468 / 790** atau e-mail di [waran@mpsp.gov.my](mailto:waran@mpsp.gov.my).

### **3. PEMBUKAAN KAUNTER BERPUSAT MPSP PADA HARI SABTU & AHAD BAGI BULAN JANUARI DAN FEBRUARI 2015**

Sukacita dimaklumkan, Kaunter Berpusat MPSP di Ibu Pejabat MPSP Bandar Perda akan membuka kaunter perkhidmatan dan

bayaran pada setiap hari Sabtu dan Ahad bagi bulan Januari dan Februari 2015 kecuali hari cuti umum seperti ketetapan berikut :

Waktu : 8.30 pagi sehingga 12.30 tengah hari

Hari : Setiap Sabtu dan Ahad

Tempat : Kaunter Berpusat, Ibu Pejabat MPSP Bandar Perda

#### **4. SENAMROBIK BERSAMA MPSP**

Adalah dimaklumkan bahawa program sihat iaitu Senamrobik Bersama MPSP akan diteruskan pada tahun 2015. Senamrobik akan diadakan di Taman Tunku, Seberang Jaya pada 4 Januari 2015 (Ahad). Manakala Program Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan pada 18 Januari 2015 (Ahad) dan Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 25 Januari 2015 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

## **5. SELAMAT MENYAMBUT HARI NATAL**

Di kesempatan ini , saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Natal kepada semua penganut Agama Kristian yang bakal meraikannya pada 25 Disember 2014 (Khamis) dan hari tersebut merupakan Hari Kelepasan Am.

## **6. SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU 2015**

Dimaklumkan bahawa Tahun Baru 2015 akan tiba tidak lama lagi. Tahun baru 2015 akan disambut pada hari Khamis dan hari tersebut merupakan Hari Kelepasan Am. Saya dengan ini mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru 2015 kepada semua Ahli Majlis dan kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai dan seluruh warga Seberang Perai khasnya. Semoga segala usaha dan rancangan pada tahun 2014 telah tercapai dan 2015 yang akan datang akan memberikan lebih kejayaan kepada semua.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**